

Prihatin

Berita SPANCO Jilid 1 2008

Pusat servis Wilayah Bangi Dipertingkatkan

- Kemalangan 2007: Jumlah Kes Turun, Kos Meningkatkan
- Penjagaan Tayar Yang Mudah Dan Berkesan
- 10 Tip Memandu Mengikut Had Laju

Pelanggan Nikmati Perlindungan Penuh

Pelanggan SPANCO dilindungi sepenuhnya melalui:



■ INSURANS

Insurans perlindungan komprehensif termasuk pemandu (yang dilantik Kementerian/Jabatan) dan empat penumpang.



■ PUSAT SERVIS DIIKTIRAF

Lebih 200 rangkaian Pusat Servis Diiktiraf di seluruh Malaysia disediakan sebagai khidmat sokongan.



■ PEMBAIKAN DAN SENGARAAN

Dengan kos pembaikan dan senggaraan yang tetap, semua kerja servis dan pembaikan yang dilakukan di Pusat Servis Wilayah dan Pusat Servis Diiktiraf SPANCO tidak dikenakan sebarang bayaran tambahan.



■ PROGRAM PENGGANTIAN

Kesemua kereta konsesi diganti melalui program penggantian apabila tempoh pajakan 4-5 tahun yang ditetapkan berakhir.



■ PERKHIDMATAN BANTUAN SERVIS KEROSAKAN

Pelanggan yang mengalami kerosakan kenderaan boleh mendapatkan bantuan, termasuk khidmat tunda yang disediakan oleh SPANCO melalui rangkaian pusat servis.



■ SERVIS BERGERAK

Pelanggan boleh mendapatkan servis berjadual di premis mereka tanpa perlu pergi ke pusat servis. Sila hubungi 1-800-88-6999 untuk temujanji.



■ TALIAN BEBAS TOL

1-800-88-6999

Pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat.



■ KERETA IHSAN/GANTIAN

Khidmat kereta gantian dibekalkan kepada kereta-kereta rasmi bagi kerja servis atau pembaikan yang melebihi 24 jam bekerja.



■ PERKHIDMATAN 24 JAM

Pusat panggilan beroperasi 24 jam.



Pelanggan disarankan untuk memanfaatkan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan.

Prihatin

BERITA SPANCO



PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul

Peter Lim

Zulkifli Abd. Aziz

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

2, Jalan Murai Dua

Batu Complex

51100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6253 2888

Faks : 03-6253 0623

emel : prihatin@spanco.com.my

Laman web : www.spanco.com.my

PENCETAK

Percetakan Lai Sdn Bhd

No. 1, Persiaran 2/118C

Kawasan Perindustrian Desa Tun Razak

Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Tel : 03-9173 1111

Faks : 03-9173 1969

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan atau sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas.

Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Jilid 1, 2008 Januari – Mac

kandungan



6



10



18



23

PERUTUSAN

- 4 Peningkatkan Servis Selaras
Pengenal Model-Model
Baru

SUDUT INFO

- 5 Enjin Baru Waja Lebih
Berkuasa
5 Persona Sertai Fleet

KORPORAT

- 6 Pusat Servis Wilayah Bangi
Dipertingkatkan
8 Pelanggan Menyuarakan
Pendapat Mereka
9 Kemalangan 2007 : Jumlah
Kes Turun, Kos Meningkat
10 PDRM Terima 48 Waja Baru

KHABAR PRIHATIN

- 11 Sana-Sini Bersama
Pelanggan

PENJAGAAN KERETA

- 14 Penjagaan Tayar Yang Mudah
Dan Berkesan
17 Corak Bunga Pengaruhi
Pemanduan

KESELAMATAN

- 18 Pasang Tali Pinggang
Keledar Walaupun Duduk Di
Belakang
20 Perjalanan Terancang Adalah
Perjalanan Selamat
22 10 Tip Memandu Mengikut
Had Laju

KESIHATAN

- 23 Tangani Perasaan Marah Di
Jalan Raya

Pertingkatkan Servis Selaras Pengenalan Model-Model Baru

TAHUN 2008 menyaksikan satu perkembangan yang menarik buat Pengurusan Fleet Profesional SPANCO.

Ia berkaitan pengenalan model-model baru oleh PROTON yang menjanjikan lebih banyak pilihan kepada pelanggan-pelanggan kami berbanding sebelum ini.

Ramai tentunya teruja dengan pelancaran Persona pada pertengahan 2007, Saga generasi kedua pada awal 2008 dan Waja Campro 1.6 CPS sejurus selepas itu.

Waja Campro CPS dan Persona sudah pun mendapat kelulusan dan akan mengiringi model-model lain yang digunakan di dalam fleet Kerajaan Persekutuan seperti Iswara, Wira, Waja, Chancellor dan Perdana.

Dalam konteks ini, tahap kualiti dan model-model baru yang dilancarkan adalah satu perkembangan yang dinanti-nanti yang sekali gus dapat mengembalikan

keyakinan semua terhadap pengeluaran kenderaan nasional itu.

Melalui pengenalan model-model ini, kami yakin kementerian dan jabatan akan menikmati kenderaan baru yang lebih bermutu tinggi, lebih selesa dan lebih selamat selain bebas daripada masalah sebaik sahaja menerimanya.

*Kami turut akan terus
melipatgandakan
pelaburan di dalam
pembangunan modal
ihسان kerana sadar ia
merupakan faktor
utama yang memacu
sesebuah syarikat
termasuk SPANCO
sendiri.*

Selaras dengan kenderaan yang lebih menepati cita rasa pelanggan, kami akan mempertingkatkan lagi usaha kami ke arah menyediakan servis yang terbaik yang mampu memenuhi segala keperluan anda.

Kami turut akan terus melipatgandakan pelaburan di dalam pembangunan modal ihسان kerana sadar ia merupakan faktor utama yang memacu sesebuah


syarikat termasuk SPANCO sendiri.

Ini termasuk menganjurkan latihan dan bengkel kepada rakan sekerja kami secara berterusan demi membangunkan kemahiran mereka seiring teknologi automotif yang sentiasa berkembang pesat.


Di samping itu, SPANCO juga akan merekrut lebih ramai kakitangan terutama dari kumpulan teknikal dan pentadbiran bagi memperkemarkan lagi persiapan menghadapi pertambahan jumlah kenderaan yang perlu diuruskan.

Dengan menganggotai Pengurusan Fleet Profesional, rakan sekerja tidak sahaja dapat menceburi kerjaya yang diminati serta memberi kepuasan malah berpeluang untuk membangun bersama Syarikat melalui latihan-latihan yang disediakan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pelanggan-pelanggan dan rakan sekerja kami di atas sokongan dan keprihatinan anda selama ini. Juga kepada para pembekal kami terutama rangkaian pusat servis di seluruh Malaysia kerana memahami keperluan mutu servis kami.



Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif



Enjin Baru Waja Lebih Berkuasa



Spesifikasi

Enjin	CPS DOHC 16 injap
Kuasa maksimum	93kW (125bhp) @ 6,500rpm
Tork maksimum	150NM @ 4,500rpm

PROTON Holdings Bhd memperkenalkan Waja Campro 1.6 Premium dengan enjin CPS yang direka bentuk untuk mereka yang mahukan pemanduan berprestasi tinggi.

Menggabungkan dua teknologi asli - *Cam Profile Switching* (CPS) dan *Variable Intake Manifold* (VIM), enjin Campro CPS memberi kuasa yang lebih tinggi dan respons pantas, selain dalam masa yang sama mengekalkan kecekapan bahan api.

Peningkatan kuasa adalah sebanyak 13 peratus kepada 125hp

berbanding 110hp bagi enjin Campro standard sebelum ini.

Ia menawarkan peningkatan pemanduan dengan kadar tork 150Nm yang memberi tindak balas yang baik pada kelajuan enjin rendah. Prestasi memintas dapat dirasai menggunakan gear tiga, empat dan lima dalam kelajuan enjin 2,500 - 4,500rpm.

Enjin Campro CPS juga mesra alam dan mematuhi kawal selia pelepasan Eropah yang terkini.

Selain CPS, Proton Waja baru turut melalui beberapa pengubahsuaian lain termasuk antaranya

bamper dan gril baru, lampu depan Xenon, ekzos berkembar serta cermin sisi yang boleh dilipat melalui kawalan dari dalam.

Harga transmisi manual dengan lima kelajuan adalah RM61,888 manakala transmisi automatik empat kelajuan pada RM64,888 dan boleh didapati dalam enam warna.

Bagaimanapun hanya model automatik Waja Campro CPS 1.6 (A) akan menyertai fleet Kerajaan Persekutuan apabila model Wira yang telah dihentikan pengeluaran sejak Ogos 2007 digantikan.

(Sumber Bernama)

Persona Sertai Fleet

MODEL kelima Proton pasca 2000, Persona akan mengiringi barisan model-model lain apabila digunakan di dalam fleet Kerajaan Persekutuan.

Perbendaharaan Malaysia meluluskan Proton Persona berwarna *tranquility black* untuk kegunaan Kementerian Pertahanan di mana Leftenan Kolonel Memerintah dan/atau Leftenan Kolonel Staf akan mula menggunakannya dalam masa terdekat.



Pusat Servis Wilayah Bangi Dipertingkatkan



TERATUR... Pembantu stor, Mohamad Amran Hussin sedang memeriksa senarai alat ganti di dalam stor yang lebih luas.



SEDIA BERKHIDMAT... Penasihat servis, Mohd Soufee Sahat sedang membantu seorang pelanggan dari Kementerian Pertahanan.



SELESA... Tetamu sedang berehat di ruang menunggu yang telah diubahsuai dengan perabot dan kemasan baru.

MENYEDARI betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh Pusat Servis Wilayah – Bangi, maka usaha sentiasa dipergiatkan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan di sana.

Pusat Servis Wilayah – Bangi, atau singkatannya PSW Bangi didirikan untuk menampung keperluan servis bagi fleet kementerian dan jabatan yang berpindah ke Putrajaya.

Sejajar dengan peranan itu maka tahap servisnya sentiasa diperbaiki antaranya dengan menempatkan kakitangan yang berwibawa dan membuka kaunter lebih awal selain menaik taraf kemudahan yang disediakan.

Pengurus baru cawangan

PSW Bangi mendapat suntikan baru apabila Mohd Wazir Ahmad Kassim yang sebelum ini merupakan pengurus woksyp di Batu Caves, dipindahkan ke sana mulai November 2007.

Sebagai pengurus baru cawangan, tumpuan beliau ialah untuk membangunkan tahap perkhidmatan supaya setanding dengan apa yang terdapat di pusat servis utama di Batu Caves.

Mohd Wazir, 36 tahun adalah graduan jurusan Mechatronic dari Solihull College, United Kingdom

dan memiliki 15 tahun pengalaman dalam bidang pembaikan automotif.

Sebelum menyertai SPANCO pada 1997, beliau pernah berkhidmat di syarikat pembuat tayar, Silverstone Tyre & Co. Sdn Bhd.

Pengalaman beliau itu akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membantu usaha pihak pengurusan memajukan PSW Bangi.

Selain itu, jumlah kakitangan turut ditambah bermula awal tahun ini di mana penasihat servis kini seramai empat orang berbanding tiga manakala mekanik pula 10 orang berbanding lapan sebelum ini.

Peningkatan tahap servis turut dilaksanakan melalui pembukaan kaunter lebih awal. Pelanggan-pelanggan kini boleh menghantar kereta ke PSW Bangi untuk diservis seawal jam 7.30 pagi berbanding 8 pagi sebelum ini.

Menaik taraf kemudahan

Bagi menangani permintaan yang kian bertambah, kemudahan di PSW Bangi turut dinaiktarafkan di mana tumpuan utama diberikan kepada ruang menunggu,

WAJAH BARU... Pengurus Cawangan Bangi, Mohd Wazir Ahmad Kassim bersedia menerima kedatangan lebih ramai pelanggan.

Pusat Servis Wilayah - Bangi
33, Jalan P/21
Taman Industri Selaman, Seksyen 10
43650 Bandar Baru Bangi.

Tel : 03 - 8920 1990
Faks : 03 - 8920 1992

kaunter hadapan dan stor.

Ruang menunggu kini lebih selesa dan menyiarkan rancangan kabel melalui peti televisyen berskrin rata di samping terdapat pelbagai bahan bacaan yang menarik.

Manakala kaunter hadapan menempatkan lebih banyak kaunter perkhidmatan dan tempat duduk untuk pelanggan berurusan. Bilik stor pula dinaiktarafkan bagi menampung lebih banyak alat ganti untuk menyokong pesanan kerja yang semakin bertambah.

Keseluruhannya, kos menaik taraf premis PSW Bangi dianggarkan berjumlah RM100 ribu. Ia termasuk perbelanjaan menggantikan papan tanda yang baru.

Walaupun pelaburan terus dibuat terhadap kemudahan PSW Bangi sedia ada, namun usaha tetap dilakukan untuk mencari lokasi kekal yang lebih sesuai.

Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh menjelaskan: "Kami sedang mengenal pasti tapak di sekitar Bangi untuk membina kemudahan pusat servis yang lebih berintegrasi sepenuhnya

bagi memenuhi keperluan yang dijangka meningkat."

*Pelanggan-pelanggan
kini boleh
menghantar kereta ke
PSW Bangi untuk
diservis seawal jam
7.30 pagi berbanding
8 pagi sebelum ini.*

Servis lebih banyak kenderaan

Seiring dengan peningkatan jumlah pelanggan dari pelbagai kementerian dan jabatan, maka PSW Bangi turut mengalami penambahan jumlah kenderaan yang dibawa masuk.

Menurut Mohd Wazir, PSW Bangi ketika ini menerima antara 30 hingga 40 kunjungan pelanggan setiap hari dan melaksanakan purata lebih 700 pembaikan setiap bulan.

Kebanyakan pelanggan yang menghantar kenderaan ke sini adalah dari Putrajaya, Shah Alam dan Cheras di mana jenis perkhidmatan yang diminta adalah servis

biasa selain pembaikan mekanikal dan kemalangan.

Beliau berharap PSW Bangi dapat mencapai sasaran jumlah pesanan kerja sebanyak 840 setiap bulan.

Justeru Mohd Wazir mengalu-alukan kedatangan lebih ramai pelanggan ke sana memandangkan pusat servis itu masih mampu menampung lebih banyak kenderaan iaitu sebanyak 50 pesanan kerja dalam sehari.

Bagi memudahkan pelanggan, apabila sesebuah kereta siap diservis, rakan sekerja akan memaklumkan pelanggan melalui khidmat pesanan ringkas dan panggilan telefon.

Susulan itu, Mohd Wazir meminta kerjasama pelanggan supaya mengambil kereta yang sudah siap dengan secepat mungkin kerana jumlah petak letak kereta yang disediakan adalah terhad.

PSW Bangi yang berkeluasan dua lot terletak di Taman Industri Selaman, Bandar Baru Bangi dan hanya 10 minit jarak pemanduan dari Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya.



Pelanggan Menyuarakan Pendapat Mereka

Berikut adalah pendapat yang dikemukakan oleh lima orang pelanggan mengenai tahap perkhidmatan pengurusan fleet.



ASP Shafie Shariff
Pegawai
Pengangkutan
(Penswastaan)
Bahagian
Pengangkutan
Polis Diraja Malaysia

DARI segi keberkesanan, fleet kenderaan sedia ada berjumlah lebih 1,300 unit yang disenggara SPANCO banyak membantu dalam penyediaan logistik pengangkutan kepada pihak PDRM.

Fleet SPANCO, selain milik PDRM sendiri, membantu lebih-lebih lagi untuk menyediakan kenderaan kepada pegawai-pegawai staf dan juga untuk tugas-tugas penguurusan pentadbiran.

Bagi saya, perkhidmatan yang diberi oleh mereka tiada apa-apa masalah. Penyenggaraan dilakukan mengikut jadual dan kalau kereta rosak pun sangat kecil peratusannya.

Manakala dari segi servis pembaikan pun begitu juga di mana setakat ini kebanyakannya disiapkan 'on time'.



LKpl Mohd Jailani
Abd Hamid, 28 tahun
Pemandu
KEMENTAH

KERETA yang saya pandu mengalami kerosakan berdekatan tol di Jalan Duta semasa dalam perjalanan atas urusan rasmi pada tahun lepas. Saya terus menghubungi talian bebas tol untuk mendapatkan bantuan dan setengah jam kemudian, trak penunda pun datang.

Terima kasih diucapkan kepada kakitangan SPANCO kerana menyediakan perkhidmatan yang pantas.



Mohamad Yusof Hashim, 40 tahun
Pemandu
Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

SAYA telah menggunakan perkhidmatan SPANCO hampir empat tahun. Pada pendapat saya, perkhidmatan dan kemudahan di Pusat Servis Wilayah di Batu Caves adalah yang terbaik terutama bagi kenderaan-kenderaan rasmi.

Bagaimanapun saya rasa kenderaan-kenderaan jabatan sewajarnya diberi lebih keutamaan kerana tugas yang dilakukan kenderaan jabatan adalah lebih berat selain perlu disiapkan dengan segera.



Sarjan Ahmad Jamri
Ariffin, 41 tahun
Sarjan Kenderaan
31 Rejimen Artileri
Diraja, TUDM

SAYA telah berurusan dengan SPANCO sejak 10 tahun yang lalu iaitu semasa pusat servis mula-mula beroperasi di Segambut sebelum dipindahkan ke lokasi sekarang.

Berbanding dahulu, pusat servis di Batu Caves kini lebih baik kerana mudah untuk dikunjungi selain lebih selesa serta lebih luas. Perkhidmatannya juga memuaskan.



LKpl Mohd Rosli Abdullah, 25 tahun
Pemandu
31 Rejimen Artileri
Diraja, TUDM.

SEPANJANG berkhidmat di dalam angkatan tentera selama tujuh tahun, saya berpuas hati dengan servis yang disediakan oleh SPANCO. Ia memudahkan tugas saya sebagai seorang pemandu.

Jika kereta rosak, hanya perlu menghantarkannya ke pusat servis dan kakitangan mereka akan memeriksa serta melakukan pembaikan yang dikehendaki.

Kemalangan 2007: Jumlah Kes Turun, Kos Meningkatkan

KOS membaiki kemalangan fleet Kerajaan Persekutuan sepanjang 2007 terus meningkat berbanding tahun-tahun sebelumnya walaupun bilangan kes didapati menurun.

Sebanyak RM7.03 juta dibelanjakan untuk membaiki 1,778 kes kemalangan yang menimpa fleet dari Januari hingga Disember tahun lalu berbanding RM6.37 juta untuk 1,964 kes bagi tempoh yang sama pada 2006.

Ini menjadikan purata kos pembaikan turut meningkat kepada RM3,952 bagi setiap kes kemalangan berbanding RM3,243 sebelum itu.

Sementara itu, sebanyak 44,491 kerja pembaikan ke atas fleet dicatatkan di mana 50 peratus daripadanya dilaksanakan di pusat-pusat servis diiktiraf SPANCO

(PSD) di seluruh negara.

Selain itu bilangan kenderaan di dalam fleet meningkat dengan stabil kepada 5,890 unit setakat 31 Disember 2007 iaitu pertambahan sebanyak 299 buah dari jumlah sebelumnya.

Dari jumlah itu, 2,839 adalah dari model Proton Wira, 1,674 model Perdana, 1,009 Iswara, 363 Waja dan 5 Chancellor.

Sejumlah 85 peratus dari fleet Kerajaan Persekutuan yang diselenggara oleh Pengurusan Fleet Profesional terdiri daripada kereta yang berusia 3 tahun ke bawah manakala hanya 52 unit sahaja berusia lebih 5 tahun.


Kementerian Pertahanan merupakan pelanggan terbesar dengan 1,590 buah kereta, diikuti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan 1,327 buah.

Sebanyak RM7.03 juta dibelanjakan untuk membaiki 1,778 kes kemalangan yang menimpa fleet dari Januari hingga Disember tahun lalu

Lain-lain perangkaan 2007 yang perlu diberi perhatian serius oleh kementerian dan jabatan ialah:

- 47,547 saman PDRM dan 3,079 saman majlis perbandaran masih belum diselesaikan setakat 31 Disember 2007.
- 6 kecurian berlaku sepanjang 2007 di mana 5 buah adalah dari model Perdana dan sebuah model Waja.
- Kemalangan paling kerap berlaku adalah 'kemalangan sendiri' dan kerosakan harta pihak ketiga iaitu masing-masing 1,040 dan 255 kes dengan kos pembaikan RM1.99 juta dan RM1.70 juta.

Perbandingan perangkaan tahun ke tahun (2004 - 2007)



PDRM Terima 48 Waja Baru

SEIRING kepesatan pembangunan negara, tugas-tugas kepolisian yang dipikul oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga kini semakin bertambah dan mencabar.

Dalam mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan kepada orang ramai, PDRM tidak sahaja menambah bilangan anggotanya, tetapi juga jumlah kenderaan yang digunakan termasuk yang diselia oleh SPANCO.

Susulan itu sebanyak 48 unit kenderaan jenis Proton Waja 1.6 (A) telah diserahkan kepada PDRM bertempat di perkarangan Pusat Servis Wilayah – Batu Caves pada 31 Januari yang lalu.

Pada majlis penyerahan rasmi itu, pihak polis diwakili oleh Ketua Penolong Pengarah Jabatan Logistik (Pengangkutan) PDRM, SAC II Aidi Ismail, manakala SPANCO oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Dato' Hamzah Mohd Salleh.

Turut serta menyaksikan upacara penyerahan serba ringkas itu yang disusuli dengan jamuan ringan adalah anggota polis dan pemandu dari Jabatan Logistik Pengangkutan PDRM.

Setiap kereta yang diterima pada hari itu adalah dari model



TERIMA KASIH... SAC II Aidi Ismail bersalaman dengan Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh semasa menerima kunci replika bagi 48 Proton Waja untuk kegunaan PDRM.

Proton Waja automatik dengan enjin berkapasiti 1.6 liter dan berwarna *iridescent white*, seperti yang diluluskan Perbendaharaan Malaysia untuk kegunaan kementerian atau jabatan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Menurut Sarjan Noor Hishamuddin Mohd Hashim dari Bukit Aman, kesemua 48 unit merupakan penambahan baru kepada fleet PDRM berjumlah sekitar 1,300 buah sebelum ini.

Kereta-kereta tambahan itu

akan digunakan oleh pegawai pemerintah seperti ketua-ketua polis daerah dan jabatan untuk tugas-tugas pentadbiran selain oleh bahagian jenayah bagi tugas-tugas penyiasatan, jelas beliau.

Dengan perkembangan terbaru itu, PDRM kini lebih bersedia dalam menunaikan tanggungjawab menjaga keselamatan kerana tanpa keamanan, pembangunan pasti tidak dapat disempurnakan.



BARU... Barisan kereta yang diletakkan kemas di perkarangan Pusat Servis Wilayah – Batu Caves, bersedia untuk dibawa keluar.

Sana-Sini Bersama Pelanggan

KKDN lawat pusat servis

Dalam lawatan itu, rombongan KKDN dibawa menyaksikan sendiri bagaimana rakan sekerja SPANCO mengendalikan fleet selain melihat kemudahan dan peralatan yang terdapat di pusat servis.

Lawatan dilakukan atas jemputan SPANCO dan adalah salah satu daripada beberapa program yang disusun untuk menerangkan secara lebih terperinci tentang perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan.

TETAMU PENTING... Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof (dua dari kiri) semasa lawatan kerja ke Pusat Servis Wilayah - Batu Caves bersama wakil KKDN dan SPANCO pada 3 Januari lalu.



AKRAB... Tan Sri Abdul Aziz dan wakil-wakil KKDN bergambar bersama rakan sekerja SPANCO di hadapan Pusat Servis Wilayah - Batu Caves.

Majlis Penyerahan Waja Kepada PDRM



PEMERIKSAAN... Ketua Penolong Pengarah Jabatan Logistik (Pengangkutan) PDRM, SAC II Aidi Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh meneliti ruang simpanan Proton Waja semasa majlis penyerahan kenderaan itu pada 31 Januari 2008.



JADI TUMPUAN... DSP Zakaria Ismail mencuba Proton Saga yang dipamerkan sambil diperhatikan oleh Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan dan Operasi, Shahrizuan Abdullah.



HANGAT DI PASARAN...

Model Saga terbaru turut diperagakan di ruang servis untuk tatapan tetamu dan jemputan yang menghadiri majlis penyerahan Waja pada 31 Januari 2008.

Berita dari Sabah



MENYAMBUT PELAWAAN... Seramai 10 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Mineral & Geosains Malaysia, Sabah meluangkan masa melawat SPANCO Cawangan Sabah pada 18 Disember 2007.



UNIT BARU... Mejar Magathavan a/l Kanapathy dari Markas Angkatan Tugas Bersama, Kem Kukusan, Tawau menerima kenderaan baru daripada Pengurus Cawangan Sabah, Nor Azhan Haji Abdul sambil diperhatikan oleh LK1 PKM Zasni Zaini (kiri) dan Mejar (U) Rostam Eaffendy Ibrahim pada 5 Februari lalu.

Lawatan ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.



BERGAMBAR KENANGAN... Doktor pakar dan pegawai liaison Hospital Raja Perempuan Zainab II bersama rakan sekerja di samping kereta-kereta yang baru diterima pada 5 Disember 2007.



GEMBIRA... Penyerahan kereta V6 kepada Pakar Patologi, Dr. Mukarramah Che Ayub oleh Pengurus Besar Komersial, Mubarak Ali Gulam Rasul.



Penyerahan kereta V6 kepada Pakar Perubatan, Dr. Mahiran Mustafa.



Pakar Perunding, Dr. Zainal Abidin Hanafiah menerima kunci kereta Perdana V6.

Lawatan ke Pulau Pinang



SAMBUTAN... Pegawai perhubungan dan pemandu dari seluruh jabatan di Pulau Pinang hadir mendengar taklimat yang diadakan di sebuah hotel terkemuka pada 13 Disember 2007.

Lawatan ke IPPK Pulau Pinang



SALING BERTUKAR PENDAPAT... Pegawai Turus Logistik Pengangkutan, DSP Ahmad Nasir Jaafar dan Pegawai Logistik Pengangkutan, C/Insp. Ghazali Yaakob semasa taklimat pada 14 Disember 2007.

Penjagaan Tayar Yang Mudah Dan Berkesan

Tahukah anda, jika tayar dijaga dengan sempurna, purata jangka hayat yang boleh dicapai adalah antara 50 – 55 ribu km?

SEMASA kereta anda sedang meluncur di jalan raya, hanya sebuah komponen sahaja yang menyentuh permukaan jalan iaitu keempat-empat tayar kereta anda.

Jika salah satu darinya tidak mencengkam dengan baik atau meletup, nyawa anda dan penumpang pasti akan terancam kerana kemalangan boleh terjadi akibat terpesong atau terbabas.

Walaupun direka supaya tahan lasak namun tayar akan cepat rosak jika diabaikan. Tayar yang botak, bocor, kempis atau terlebih angin boleh membahayakan anda dan ramai pengguna jalan raya yang lain. Justeru penjagaan tayar sangat penting dan perlu diamalkan oleh setiap pemandu. Terdapat tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian iaitu *tekanan angin*, *corak haus* dan *penjagaan*.



PERALATAN PENTING... Gunakan tolok tekanan angin untuk memeriksa tayar anda sebaik-baiknya pada waktu pagi.

Tekanan angin

Untuk mendapatkan prestasi yang terbaik, tahap tekanan angin yang optimum bagi sesuatu tayar sudah ditetapkan pengeluar. Bergantung pada model kereta, maklumat tekanan angin itu terdapat pada manual, penutup tangki minyak atau di tepi pintu pemandu.

Tekanan angin yang salah boleh merosakkan tayar sehingga kadangkala tidak boleh dibaiki lagi. Tekanan yang sempurna pula mampu memanjangkan hayat tayar seterusnya menjimatkan perbelanjaan.

Tekanan udara rendah



Tekanan udara berlebihan



Tekanan udara seimbang



Jika kurang angin:

- permukaan bersentuhan lebih besar lalu menghasilkan geseran dan haba berlebihan
- bahu tayar cepat haus
- kemampuan tayar untuk mencengkam terhakis dengan cepat
- stereng menjadi berat dan sukar dikawal
- tayar cepat rosak
- boleh pecah ketika kenderaan bergerak
- meningkatkan penggunaan petrol

Jika terlebih angin:

- permukaan tengah tayar cepat haus
- pemanduan yang keras dan tidak selesa
- cengkaman kurang
- stereng menjadi ringan sehingga kenderaan sukar dikawal
- tayar lebih terdedah kepada kerosakan akibat hentakan

Tekanan angin sewajarnya:

- luas permukaan bersentuhan yang optimum
- kehausan yang sekata
- pemanduan lebih stabil



**Tayar akan ditukar
berpandukan tempoh berikut:**

- 40,000km
- atau
- 2 tahun
- atau
- < 1.6mm

Corak haus

Keadaan dan corak haus tayar boleh menunjukkan penjagaan yang tidak sempurna selain memberi isyarat mengenai kerosakan pada sistem stereng, gantungan atau brek kenderaan itu.

Oleh itu, periksa tayar sekurang-kurangnya sebulan sekali bagi mengesan corak haus yang luar biasa. Jika dibaiki segera, kerosakan yang lebih teruk dapat dielakkan.

Manfaat pengimbangan dan penjajaran sempurna :

- Kawalan lebih mudah dan stabil.
- Perjalanan lebih selesa.
- Kecekapan pada tahap terbaik menghasilkan perbatuan maksimum.
- Tayar lebih tahan lama.

- Tayar cepat haus dengan corak tidak sekata
- Stereng menarik ke kiri atau kanan
- Stereng bergetar
- Stereng sukar dipusingkan

Kesan tak seimbang

Tayar yang tidak seimbang mengakibatkan bunga cepat haus secara tidak sekata selain boleh merosakkan sistem gantungan. Ketidakseimbangan menyebabkan kereta bergetar dan tidak selesa seterusnya meletihkan pemandu.

Untuk itu, pengimbangan mesti dilakukan setiap kali tayar dipasang semula setelah diperbaiki dan untuk semua tayar baru.

Kesan tak sejajar

Bonggol atau lubang di permukaan jalan boleh menyebabkan geometri tayar berganjak dan tidak selari. Bagaimanapun penjajaran tayar juga boleh berubah secara perlahan-lahan di bawah pemanduan biasa.

Lakukan penjajaran tayar sebaik saja anda mengalami masalah berikut:



BERI PERHATIAN... Corak haus memberi isyarat tentang pengimbangan atau penjajaran yang tidak betul.

Tindakan Wajar Yang Perlu Diambil Apabila Tayar Meletup

1. Pegang stereng dengan kuat dan jangan panik.
2. JANGAN sekali-kali tekan brek secara mengejut.
3. Lepaskan pedal minyak supaya kereta perlahan dengan sendirinya.
4. Hidupkan lampu kecemasan (untuk memberitahu kenderaan dari arah bertentangan dan di belakang bahawa ada sesuatu yang tak kena pada kenderaan anda).
5. Berhentikan kenderaan anda di bahu jalan

PENJAGAAN KERETA

Penjagaan

Amalkan panduan mudah berikut bagi memanjangkan hayat tayar:

- Pemeriksaan dan penambahan angin dilakukan ketika tayar sejuk bagi mendapatkan bacaan yang tepat.
- Periksa bunga tayar selalu.
- Buang batu atau objek yang terlekat di celah jalur dan bersihkan minyak atau cecair pelincir dari permukaan tayar.
- Periksa tekanan angin dengan kerap kerana tayar sentiasa
- Tangani masalah corak haus yang tidak normal dengan segera.
- Tabiat memecut dan membrek secara tiba-tiba akan membotakkan tayar dengan cepat selain meningkatkan penggunaan petrol.
- Lakukan pengimbangan tayar apabila membeli tayar baru.
- Lakukan kitaran tayar setiap 10,000km.



RUJUKAN... Maklumat tekanan angin terdapat pada tepi pintu.

terdedah kepada kebocoran aki-bat benda tajam.

- Pemeriksaan seminggu sekali adalah paling baik.

Mengapa kitaran tayar perlu dilakukan?

- Hayat tayar dipanjangkan.
- Kehausan tayar depan dan belakang yang tidak seragam dapat dikurangkan.
- Kawalan stereng diperbaiki.

- Apabila memasang tayar baru, gantikan injapnya sekali.
- Periksa penjajaran setiap 20,000km atau enam bulan, yang mana dahulu.
- Jangan abaikan tayar simpanan

di dalam but.


- Jangan gunakan tayar jenis radial dan diagonal pada gandar yang sama.
- Jangan sekali-kali mengempiskan tayar yang sedang panas.
- Jangan bawa muatan yang berlebihan.
- Tayar dan rim boleh rosak jika tayar yang kempis terus dipandu.
- Ganti tayar sebaik saja kedalaman bunga kurang daripada 1.6mm.
- Kurangkan kelajuan apabila melalui jalan berair.

Gaya memandu jejakkan tayar

Pemanduan yang lasak dan kasar seperti memecut atau membrek dengan tiba-tiba menyebabkan tayar cepat botak selain meningkatkan penggunaan petrol. Justeru:

- Pandu dengan cermat dan sentiasa berwaspada.
- Menjangka keadaan jalan di hadapan.
- Menggunakan brek dan meningkatkan kelajuan secara stabil.
- Elak menggeserkan tayar dengan bahu jalan.
- Mengambil selekoh dengan laju mencepatkan kehausan tayar.

Mengamalkan penjagaan tayar secara berkala dan pemanduan yang tertib mampu memanjangkan hayat tayar sekali gus keselamatan anda di jalan raya terjamin.



Penunjuk Penipisan

Nama Pengeluar

Lebar Tayar Dalam mm
Peratus Nisbah Tinggi : Lebar
Diameter Rim Dalam inci
Indeks Beban (87 = 545 kg)
Simbol Kelajuan (V = 240kph)

Tayar Tanpa Tiub


MXV2 : Spesifikasi Pengeluar

Cap Dagang Berdaftar

BERGUNA... Antara maklumat yang terdapat pada tayar.



PERHATIKAN... Tolok yang boleh menunjukkan ketebalan bunga pada tayar.




Corak Bunga Pengaruh Pemanduan

Pemilihan corak bunga tayar yang sesuai dipengaruhi oleh cuaca, jenis permukaan jalan dan gaya pemanduan. Pemilihan corak bunga yang betul meningkatkan prestasi pengendalian, cengkaman dan jangka hayat tayar. Ia turut mempengaruhi pemandu dan penumpang dari sudut keselesaan, kesenyapan dan penjimatan petrol.

Bentuk Rusuk

Permukaan tayar dipenuhi alur memanjang seperti tulang rusuk.


- Kelebihan ialah daya heretan rendah, pengendalian dan kawalan stereng yang stabil
- Sesuai untuk kelajuan tinggi bagi tempoh yang panjang
- Kelemahan ialah daya membrek yang rendah dan cengkaman kurang pada permukaan berair atau basah
- Digunakan atas jalan berturap dan pada kenderaan berat seperti trak dan bas.



Bentuk Cuping

Corak bunga mempunyai alur yang disusun melintang.


- Daya membrek dan heretan yang tinggi
- Tidak sesuai untuk kelajuan tinggi kerana bunyinya yang bising dan daya heretan tinggi
- Digunakan atas jalan lasak dan pada roda belakang kenderaan berat.



Bentuk Rusuk Dan Cuping

Gabungan corak bunga rusuk dan cuping.


- Kawalan yang baik di samping daya membrek yang tinggi
- Sesuai untuk jalan berturap mahupun tidak berturap.



Bentuk Blok

Terdiri daripada blok atau kiub yang terpisah oleh alur memanjang dan melintang.


- Membekalkan kawalan stereng yang baik untuk jalan basah dan bersalji
- Menyingkirkan air pada permukaan jalan dengan baik
- Cepat haus kerana corak blok yang bebas dan kecil
- Sesuai untuk kereta penumpang bagi semua musim.



Corak Tidak Simetri

Corak bunga berbeza antara sebelah kiri dan kanan.

- Mengoptimumkan permukaan kering dan basah
- Sesuai untuk mengambil selekoh dengan kelajuan tinggi kerana permukaan bersentuh yang lebih luas
- Corak bunga mengurangkan kehausan pada bahu luar
- Mesti dipasang mengikut arah yang ditetapkan dan tidak boleh diterbalikkan.
- Digunakan untuk pemanduan prestasi tinggi dan sukan bermotor.



Corak Searah

Corak bunga dipenuhi dengan alur melintang pada kedua-dua belah sisi menghala ke arah yang sama.

- Pemanduan dan daya membrek yang baik
- Menyingkirkan air dengan baik
- Kawalan yang stabil untuk permukaan basah
- Mesti dipasang mengikut satu arah sahaja
- Digunakan pada kereta penumpang untuk kelajuan tinggi.





(Gambar ihsan JKJR)

Pasang Tali Pinggang Keledar Walaupun Duduk Di Belakang

TAHUKAH anda, dalam kemalangan yang melibatkan kereta, luka yang paling parah dialami adalah mereka yang duduk di belakang?

Ini kerana hentaman pelanggaran akan menjunamkan penumpang yang duduk di belakang kereta ke tempat duduk depan.

Hentaman daripada keberatan seseorang penumpang di belakang begitu kuat, ia berupaya menolak mereka yang duduk di depan hing-

gakan terlanggar papan pemuka kereta.

Inilah bukti betapa pentingnya tali pinggang keledar belakang – kerana ia berupaya melindungi anda dari tercedera, dan juga orang lain.

Jika anda fikir hanya penumpang depan sahaja diwajibkan memasang tali pinggang keledar, cuba fikir sekali lagi. Pastikan tali pinggang keledar digunakan oleh penumpang di belakang kereta. (sumber: JKJR)

Wajib menggunakannya

Menggunakan tali pinggang keledar adalah cara paling murah dan mudah untuk mengurangkan risiko kematian sekiranya berlaku kemalangan jalan raya.

Maka, pemakaian tali pinggang keledar dikuatkuasakan ke atas pemandu dan penumpang hadapan pada tahun 1973.

Sebab utama kematian penumpang kereta adalah disebabkan kecederaan kepala, yang merupakan lebih daripada separuh jumlah kematian yang berkaitan dengan kemalangan kereta.

Ini selalunya berlaku apabila penumpang tercampak keluar dari kenderaan melalui cermin depan atau apabila mereka terhantuk dengan kerusi atau papan pemuka.

Apabila tali pinggang keledar dipakai dengan betul, ia akan menyerap hentakan pelanggaran atau

Bayi tidak boleh didukung kerana walaupun si ibu memakai tali pinggang keledar, agak sukar untuk memegang erat bayinya semasa impak.

menghentikan impak yang tidak diperlukan di bahagian dada dan bahagian bawah badan.

Kerajaan Malaysia merancang untuk mewajibkan penggunaan tali pinggang keledar bagi penumpang di belakang tidak lama lagi.

Penumpang kanak-kanak

Kanak-kanak lebih tinggi risiko semasa kemalangan jalan raya. Ramai ibu bapa yang gagal menegaskan betapa pentingnya menggunakan tali pinggang keledar kepada anak-anak.

Sekiranya tali pinggang keledar tidak dipakai, kanak-kanak mudah tercampak keluar melalui tingkap hadapan kerana tubuh mereka ringan.

Oleh itu, ibu bapa perlu memastikan anak-anak mereka dipakainya dengan tali pinggang keledar di tempat duduk belakang.

Selain itu:

- Ibu bapa disarankan supaya membeli kerusi keselamatan khas untuk kanak-kanak.
- Bayi tidak boleh didukung kerana walaupun si ibu memakai tali pinggang keledar, agak sukar untuk memegang erat bayinya semasa impak.
- Bayi berumur satu tahun ke bawah, duduk menghadap ke belakang dan di tempat duduk belakang dengan menggunakan kerusi khas.
- Bayi berumur lebih setahun boleh duduk menghadap ke hadapan dengan kerusi keselamatan yang lengkap.

Tanggapan salah mengenai tali pinggang keledar

Berikut adalah beberapa tanggapan salah mengenai tali pinggang keledar yang perlu diperbetulkan:

Ia tidak berkesan dalam kemalangan serius

Tidak benar: Tali pinggang keselamatan menahan pemandu dan penumpang daripada tercampak semasa pelanggaran dan mengurangkan risiko kecederaan. Penguatkuasaannya menyumbang kepada penurunan kadar kematian dan kecederaan di jalan raya.

Lebih selamat jika tercampak keluar daripada terperangkap di dalam kenderaan

Tidak benar: Risiko kematian dan kecederaan berlipat kali ganda jika mangsa tercampak keluar dari kenderaan.

Tidak perlu untuk perjalanan dekat atau memandu perlahan

Tidak benar: Lebih separuh kemalangan berlaku pada perjalanan jarak dekat dan pada kelajuan yang perlahan.

Ia hak individu – terpulang kepada individu sama ada mahu atau tidak

Tidak benar: Semasa pelanggaran, penumpang atau pemandu yang tidak memakai tali pinggang keledar boleh tercampak dan mencederakan orang lain.

Wanita mengandung tidak perlu memakainya

Tidak benar: Di dalam apa jua kemalangan jalan raya, tali pinggang keledar memberi perlindungan terbaik kepada ibu dan bayi di dalam kandungan. Ia mampu menghalang si ibu dari merempuh benda tajam di dalam kenderaan.

Tidak perlu memakainya jika ada beg udara

Tidak benar: Beg udara adalah lebih berkesan jika penumpang serta pemandu turut memasang tali pinggang keledar dan kanak-kanak kecil duduk di belakang.

Memasang tali pinggang keledar sungguh mudah sekali!

1. Laraskan tali pinggang di paha supaya terletak rendah dan sendat bersilang pinggul anda, bukannya di perut.
2. Letakkan tali pinggang bahu sendat bersilang dada anda jauh dari leher.
3. Jangan sekali-kali meletakkan tali pinggang bahu di belakang atau di bawah ketiak anda.



Perjalanan Terancang Adalah Perjalanan Selamat



Rancang di mana anda akan berhenti untuk rehat secara berkala

RIBUAN kemalangan berlaku disebabkan oleh pemandu yang keletihan. Keletihan dan mengantuk menjadikan tindak balas lebih perlahan, mengurangkan daya tumpuan dan kebolehan membuat keputusan serta kemahiran memandu.

Pemandu letih lebih cenderung untuk berlanggar dan kemalangan mungkin lebih teruk kerana pemandu yang mengantuk atau tertidur selalunya tidak dapat membrek atau mengelak sebelum impak.

Perjalanan yang terancang mengurangkan risiko mengantuk dan tertidur semasa memandu dan adalah lebih cekap, menjimatkan masa serta mengelakkan stres dan pembaziran. Ikutilah beberapa petua berikut:

Kaedah perjalanan

- Sekiranya boleh, gunakan kereta api, bas atau kapal terbang bagi perjalanan jauh kerana cara itu adalah lebih selamat berbanding memandu.

Masa

- Anggarkan masa yang akan diambil termasuk masa berehat dan halangan yang tidak dijangka.
- Elakkan memandu pada awal pagi, atau sekiranya tidak cukup tidur, atau selepas makan yang banyak.

Rancang laluan

- Tuliskan perancangan laluan anda supaya mudah dibaca. Periksa sama ada terdapat kerja-kerja pembaikan jalan atau kesesakan lalu lintas, dan jika boleh, rancang laluan alternatif untuk mengelakkan halangan besar.
- Rancang di mana anda akan berhenti untuk rehat secara berkala (setiap dua jam, atau kurang sekiranya terlalu letih dan tempoh rehat antara 15 – 20 minit).

Pemandu kedua

- Jika boleh, pemanduan dikongsi dengan pemandu kedua.

Tidur

- Cuba tidur awal dan mendapat tidur yang mencukupi sebelum membuat perjalanan jauh.

Ubat-ubatan

- Sekiranya anda perlu mengambil ubat, periksa sama ada ia boleh menyebabkan anda mengantuk. Sekiranya ya, tanya doktor akan ubat alternatif.

Periksa kenderaan

- Pastikan semuanya baik terutama tayar, lampu, pengelap cermin dan tahap semua bendalir kereta.

Jika rasa penat

- Sekiranya anda mula merasa mengantuk semasa memandu, ini bermakna anda berkemungkinan akan berlanggar.
- Ramai pemandu cuba melawan perasaan itu dengan menguatkan lagi penghawa dingin, membuka tingkap, mendengar radio, berbual atau menyanyi.
- Teknik itu hanya berkesan untuk sekejap sahaja, cukup untuk anda mencari tempat

untuk berehat. Ia tidak akan membantu anda berjaga.

Sekiranya anda rasa penat:


- Jangan cuba menghabiskan perjalanan (anda mungkin tidak akan sampai langsung).
- Cari tempat yang selamat untuk berhenti.
- Minum satu atau dua cawan kopi pekat atau lain-lain minuman berkafeina.
- Tidur sekejap anggaran 15 minit.

Ingat! Tidur adalah penawar keletihan. Sekiranya perlu, carilah tempat yang selamat untuk bermalam.

Tertidur Semasa Memandu

Kemalangan akibat keletihan berkemungkinan besar terjadi:

- semasa perjalanan jauh yang membosankan, seperti di lebuh raya
- antara jam 2 - 6 pagi dan jam 2 - 4 petang (terutamanya selepas makan atau minum)
- apabila tidak cukup tidur
- selepas minum minuman beralkohol
- sekiranya mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk
- semasa dalam perjalanan pulang selepas syif malam



10

Tip Memandu Mengikut Had Laju



TANPA DISEDARI... Ramai pemandu melebihi had laju tanpa menyedarinya.

lihat papan tanda, terutamanya di simpang-simpang

KERETA moden sungguh berkuasa dan selesa sehinggakan pemandu tidak menyedari kelajuannya. Sungguh mudah untuk melebihi had laju dan ramai pemandu merasakan sukar untuk memandu kereta moden dalam lingkungan 60 kmj di jalan raya yang mempunyai had laju tersebut.

Pemandu bertanggungjawab terhadap had laju mereka dan berikut adalah beberapa tip mudah dan praktikal bagi mengawal had laju masing-masing.

- Selalu periksa meter kelajuan anda terutamanya apabila keluar dari jalan raya yang mempunyai had laju yang tinggi
- Ketahui had laju – lihat papan tanda, terutamanya di simpang-simpang
- Anggapkan had laju adalah pada kadar 60 kmj melainkan terdapatnya papan tanda yang mengatakan sebaliknya
- Ingatlah bahawa had laju tersebut adalah had laju mak-

simum dan bukannya had laju sasaran

- Kelajuan 60 kmj adalah terlalu laju jika ada kanak-kanak di dalam kereta
- Cuba tidak menggunakan gear yang lebih tinggi dari gear 4 dalam kawasan had laju 50 kmj
- Kenal pasti faktor yang membuatkan anda memandu laju – sama ada anda bersaing dengan orang lain, memotong atau diikut dari belakang

- Fokus – pemandu yang terganggu sering memandu laju
- Perlahankan kenderaan ketika memasuki kawasan kampung, sekolah dan taman
- Berikan masa kepada diri anda – tiada sebab untuk memandu laju dan anda tidak akan sampai dengan lebih cepat

Walaupun anda hanya melebihi had laju sedikit sahaja, tetapi impaknya mungkin besar.

Mata demerit di bawah Sistem Kejara bagi kesalahan had laju

Melebihi had laju yang ditetapkan pada sesuatu jalan atau kenderaan	Mata demerit yang dikenakan
• melebihi 40 km/j	10
• melebihi 26 km/j - 40 km/j	8
• melebihi 1 km/j - 25 km/j	6

***Lesen pemandu boleh digantung apabila pemegang lesen mengumpul 15 atau lebih mata demerit. (sumber: JPJ)**



Tangani Perasaan Marah Di Jalan Raya

LAPORAN mengenai insiden keganasan di jalan raya semakin kerap kerana perjalanan dengan kereta semakin jauh dan lebuh raya semakin sesak.

Kadangkala apabila marah dengan keadaan trafik, kita mungkin membuat kesilapan atau melakukan pemanduan yang kurang sopan yang boleh menimbulkan perasaan marah pemandu lain. Seterusnya mungkin akan men-

pelbagai kesan negatif terhadap kesihatan.

Stres 'memakan' diri dan kemarahan di jalan raya juga memberi risiko kepada semua pemandu kerana meningkatnya risiko kemalangan kereta.

Apabila kita berhemah dan berhemat di jalan raya, kita dapat mengurangkan kemarahan orang lain hanya dengan mengawal perasaan diri kita.

Berikut adalah beberapa teknik yang boleh dilakukan untuk menenangkan diri semasa memandu:

- **Mengawal pernafasan:** Latihan pernafasan dapat mengeluarkan udara dan tenaga kusut dari tubuh, membekalkan lebih oksigen kepada darah dan meredakan ketegangan. Dengan menumpukan kepada pernafasan dapat membuatkan anda fokus kepada diri dan mengurangkan stres tanpa mengalihkan perhatian anda terhadap jalan raya.

- **Dengar:** Muzik boleh menenangkan jiwa dengan menjadi satu 'fokus' lain semasa pemanduan. Ia menjadikan pemanduan anda lebih menyenangkan lantas pengguna jalan raya yang menjengkelkan serta perjalanan yang tersekat-sekat akibat kes-

esakan lalu lintas tidak dapat menaikkan darah anda.

- **Relaks:** Kemarahan memberikan tekanan kepada tubuh. Teknik untuk relaks membantu anda melepaskan tekanan dalam tubuh, walaupun anda berada di dalam kereta!

- **Bermain:** Cuba hitung berapa ramai pemandu yang tidak berhemah di luar sana. Jangan jadi salah seorang daripada mereka dan jadikan ia satu permainan dengan menghitung berapa ramai pemandu yang tidak berhemah itu untuk hari tersebut.

- **Rancang:** Uruskan masa anda dengan baik. Selalunya kita mudah marah apabila tergesa-gesa dan tidak dapat menepati masa kerana keadaan trafik. Bertolaklah lebih awal dan rancang perjalanan kerana anda akan merasa lebih lega dengan masa yang mencukupi walaupun perjalanan mengambil masa lebih lama sedikit daripada yang dijangkakan.

Ingatlah! Kita semua mampu menyumbang dengan cara tersendiri untuk mengurangkan ketidaksefahaman yang boleh menjurus ke arah perbalahan dan kemarahan.

Latihan pernafasan dapat mengeluarkan udara dan tenaga kusut dari tubuh

gakibatkan keganasan jalan raya yang boleh mengancam kesihatan dan keselamatan pengguna yang lain.

Mereka yang mengalami keganasan jalan raya mungkin berhadapan dengan risiko kesihatan akibat tahap stres dan kemarahan yang tinggi. Stres yang akut boleh menjadi kronik yang memberikan



Tali pinggang keledar di belakang bukannya hiasan. Gunakannya.



**Gunakan Tali Pinggang Keledar Di Belakang.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Penumpang di belakang juga menghadapi kemungkinan kecederaan jika berlaku kemalangan. Itulah sebabnya penting bagi anda memasang tali pinggang keledar di belakang untuk mengelakkan kecederaan yang teruk atau kematian. Jagalah keselamatan anda. Sentiasa pakai tali pinggang keledar di tempat duduk belakang. Layari www.PanduCermat.org.my untuk maklumat lanjut.



Kementerian Pengangkutan
Malaysia